

→ ISU

Usah biar Kuantan kembali jadi 'Marikh'

Kewajaran memilih antara keuntungan urus niaga pengeksportan bauksit atau kepentingan melindungi rakyat serta kesan pencemaran alam sekitar, perlu diasaskan berdasarkan situasi 'menang-menang'.

Ia penting untuk menghilangkan kegusaran berulang 'kasih duka' sebelum moratorium kegiatan pelombongan dan pengeksportan bauksit di Pahang, dimulakan pada 15 Januari 2016.

Moratorium selama tiga tahun itu dikeluarkan kerajaan selepas aktiviti perlombongan bauksit mengundang pelbagai masalah kepada persekitaran dan menjeraskan kesihatan penduduk walaupun ia memberi hasil kepada Kerajaan Pahang yang mengutip royalti RM47 juta setahun pada 2015.

Apa pun, pelbagai persoalan perlu dirungkai Kerajaan Persekutuan yang mengumumkan penamat moratorium berkenaan mulai 31 Mac ini, sehingga mencetus polemik pelbagai pihak.

Bagi yang menyokong keputusan kerajaan seperti pelombongan mineral, mereka memberi hujah moratorium memberi kesan kepada penduduk mereka, ia turut menjelaskan peluang peker-

Komentar



Amin Ridzuan Ishak

aminridzuan@mediasarawak.com.my

jaan penduduk tempatan antaranya pemandu lori yang berulang-alik mengangkut bahan mineral berkenaan.

Bagi pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan wakil rakyat yang memahami seperti Ahli Parlimen Kuantan, Fuziah Salleh, mereka menyuarakan kehimbingan berkaitan kesan pencemaran alam sekitar apabila aktiviti itu dibenarkan semula April ini.

Ia juga mengundang 'mimpinger' kepada penduduk setempat seperti di FELDA Bukit Goh serta Kampung Selamat, berhampiran Pelabuhan Kuantan.

Mereka mempertikaikan mengapa prosedur operasi standard (SOP) yang didakwa sudah disediakan kerajaan tidak dijelaskan secara terperinci, menyebabkan wujud keraguan jaminan kepada rakyat un-

tuk menikmati kehidupan aman tanpa kegiatan bauksit.

Apa jaminan fenomena 'laut merah' berlaku di Tanjung Gelang, Sungai Pengkor dan Pantai Batu Hitam tidak akan berulang? Adakah Kuantan akan kembali menjadi seperti 'Marikh' akibat pencemaran bauksit seperti yang berlaku empat tahun lalu?

Timbul juga persoalan adakah kakitangan agensi dan jabatan kerajaan yang akan menguatkuasaan SOP dan memantau pergerakan pelombong, cukup berkesan untuk menangani keturian, terutama membantera serta memantau pelombong haram yang mencari helah menyeludup mineral itu?

Sebenarnya penguruman penarikan balik moratorium oleh Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli, Dr Xavier Jayakumar pada 18 Februari lalu, menimbulkan lebih banyak persoalan.

Mungkin pendekatan paling sesuai dilaksanakan kementerian itu sebelum mengambil sebarang keputusan termasuk dalam menentukan SOP, adalah mewujudkan jawatankuasa penilaian teknikal dan sesi pengendangan awam.

Ia seperti dilakukan Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar & Perubahan Iklim

dalam menilai operasi Lynas Advance Materials Plant (LAMP) yang turut menjadi perdebatan hangat warga Kuantan suatu ketika dahulu.

Pengarah Pusat Kelestarian Sumber Air Universiti Malaysia Pahang (UMP), Prof Dr Muzamir Hasni, yang menjadi ahli jawatankuasa, berkata pendekatan itu mampu memberi ketelusan dalam penyiaran maklumat supaya semua pihak berpuas hati.

Peluang suarakan pendapat

"Beri peluang kepada semua pemegang taruh iaitu pengiat industri dan rakyat serta NGO, menyuarakan pendapat seperti dilakukan Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim dalam menilai operasi Lynas."

"Pelombongan bauksit ini mampu memberi pendapatan kepada negeri dan Pusat yang kemudian boleh disalurkan untuk projek pembangunan kepada rakyat sekitar dijalankan dengan baik seperti di Australia. Namun, berdasarkan pengalaman di Pahang, ramai meragui sama ada ia baik atau sebaliknya," katanya.

Muzamir berkata, kejayaan Australia membangunkan sektor per-

lombongan bauksit harus menjadikan contoh kepada kerajaan, terutama dalam menetapkan peraturan dan SOP untuk mewujudkan situasi 'menang-menang'.

"Kementerian Pengangkutan sebelum ini mengadakan seminar khusus untuk pelombong dan penggiat sektor pengangkutan bagi mengangkat bauksit yang satu daripada perkongsian adalah daripada wakil Australia.

"Di sana (Australia) mereka ada syarat jelas. Contohnya apabila hendak meng eksport, ada inspektor membuat pemeriksaan yang mampu menentukan kadar kandungan mineral dan gred bauksit. Ia berbeza dengan di Malaysia," katanya yang pernah melakukan penyelidikan berkaitan bauksit.

Kesimpulannya, ketelusan dalam menyuarakan maklumat terperinci terutama pada Era Malaysia Baharu harus menjadi pegangan kepada kerajaan dalam memastikan penarikan balik moratorium kegiatan bauksit tidak merugikan semua pihak.

Rakyat pula dapat menikmati persekitaran yang bersih tanpa ada pencemaran untuk menjamin kesihatan, manakala pelombong diberiarkan melombong, tetapi dengan SOP bersesuaian.